

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]**

TARIKH : 22 OKTOBER 2015

SOALAN :

YB. Dato' Sri Hasan bin Malek [Kuala Pilah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang telah dilaksanakan berkenaan impak pola tabiat membaca bahan bercetak di kalangan generasi muda di Malaysia yang semakin menampakkan penyusutan dan seterusnya lenyap. Adakah langkah positif yang telah diambil dalam memastikan tabiat membaca bahan-bahan bercetak seperti buku dan majalah yang sepatutnya menjadi kayu ukur daya intelektual sesebuah bangsa dapat dipertingkatkan dan digalakkan.

**JAWAPAN : DATO SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan melalui Perpustakaan Negara Malaysia telah menjalankan kajian tentang tabiat membaca (pola pembacaan) dalam kalangan masyarakat Malaysia bermula dari tahun 1996. Hasil kajian pada tahun 1996 mendapati kadar membaca rakyat Malaysia hanya 2 naskhah setahun dan telah meningkat kepada 8 hingga 12 naskhah setahun dalam kajian pada tahun 2010. Kementerian akan melaksanakan kajian yang berikutnya pada tahun hadapan bagi melihat pola pembacaan masyarakat Malaysia.

Pelbagai langkah positif telah diambil dengan melaksanakan program galakan membaca secara berterusan yang mencakupi pelbagai lapisan masyarakat tanpa mengira peringkat umur, jantina mahupun kaum. Antara program yang dijalankan adalah seperti:-

- (i) **Program Galakan Membaca Melalui Strategi Lautan Biru (NBOS)**
Kerjasama secara NBOS dan berterusan dengan agensi kerajaan, swasta dan badan bukan kerajaan (NGO) dapat memastikan aktiviti galakan membaca dapat dijalankan secara bersepadu dan tersusun. Ini bagi memastikan setiap golongan masyarakat mendapat manfaatnya;

(ii) Ikon Membaca Kebangsaan

Melantik Ikon Membaca Kebangsaan iaitu tokoh berpengaruh bagi mendorong masyarakat mengamalkan budaya membaca sebagai faktor kejayaan mereka iaitu YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad, YBhg. Tan Sri Ali Hamsa, YBhg. Tan Sri Michelle Yeoh dan YBhg Dato' Sheikh Muszaphar Shukor Al-Masrie;

(iii) Program Literasi Media dan Maklumat

Memberi kesedaran dan latihan berkaitan literasi media dan maklumat dalam kalangan masyarakat untuk meningkatkan kemahiran mencari dan menilai maklumat yang diperlukan dari sumber rujukan yang tepat, sahih dan berwibawa;

(iv) Perkhidmatan Capaian Bahan Bacaan Dalam Talian

Memperluaskan capaian ilmu dan maklumat secara dalam talian menerusi perkhidmatan u-Pustaka "*ubiquitous library*" bagi memudahkan masyarakat meminjam bahan bacaan dalam format digital/e-book tanpa sempadan masa dan lokasi;

(v) Menyokong Industri Buku Negara

Menyokong usaha pihak industri buku dalam memperbanyakkan penerbitan bahan bacaan ilmiah yang berkualiti untuk membina minda, sahsiah dan pemikiran masyarakat. Dana Penulis telah diwujudkan bagi menyokong hasrat dan menyemarakkan lagi industri perbukuan negara; dan

(vi) Pembudayaan Tulisan Jawi

Mengadakan program jawi yang melibatkan masyarakat pelbagai kaum agar ianya dapat dipupuk seawal usia melalui pembelajaran sepanjang hayat. Pelbagai aktiviti jawi dan galakan membaca dijalankan serentak ditempat-tempat awam secara berjadual dan berterusan dengan penggunaan idola artis/seniman bagi menjayakan aktiviti yang telah dirancang.

Sekian, terima kasih.